



SPNB bina 10,000 rumah mesra rakyat

KLUANG 30 Jan. - Kerajaan komited membela nasib penduduk dengan mengarahkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membina 10,000 rumah mesra rakyat pada tahun ini.

Pengerusi SPNB, Datuk Ir. Idris Haron berkata, rumah mesra rakyat itu bernilai hampir RM100,000 seunit.

"Harga pembinaan setiap unit rumah bermula daripada RM96,868.86 di mana kerajaan membiayai separuh daripada harga rumah ini, manakala pemilik hanya perlu membayar RM100 sebulan kepada SPNB.

"Ini menunjukkan kerajaan kita mengutamakan kesejahteraan rakyat dan tidak pentingkan keuntungan semata-mata," katanya berucap pada Majlis Penyerahan rumah baru kepada mangsa banjir sekitar Kampung Gajah dekat sini hari ini.

Menurut Idris, SPNB dilantik sebagai agensi pelaksana oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membangunkan perumahan untuk mangsa-mangsa banjir di kawasan itu.

Lebih menggembirakan, Menteri Dalam Negeri yang juga merupakan Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Tun Husssein menyerahkan sendiri kunci rumah kepada penduduk berkenaan.

Projek seluas 4.4 hektar yang menelan kos lebih RM13 juta meliputi pembangunan perumahan teres setingkat dengan tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu bilik utiliti sebanyak 60 unit dan tujuh unit rumah kedai serta dilengkapi kemudahan-kemudahan asas seperti surau dan taman permainan kanak-kanak.

Menurut Idris, pembinaan projek Taman Desa Cemerlang bermula November 2008 dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada Disember lalu.

"Di Johor, terdapat tiga projek perumahan berkelompok yang dibangunkan di atas tapak-tapak disediakan kerajaan negeri melibatkan sejumlah 462 unit rumah iaitu di Kampung Gajah dan Parit Salam, Kluang serta Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi.

"SPNB turut membangunkan projek-projek perumahan untuk mangsa banjir di Kelantan, Pahang dan Sabah setelah fenomena banjir luar biasa melanda pada Disember 2006 hingga Februari 2007 lalu," katanya.